



PELAN STRATEGIK

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

— 2026 - 2030 —





KANDUNGAN

03	PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS	05	LATAR BELAKANG MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
06	SENARAI NAMA KETUA JABATAN / BAHAGIAN / UNIT MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS	07	VISI , MISI & MOTO MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
08	CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS	09	PENGURUSAN ATASAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
10	FUNGSI MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS	11	PERANAN & PUNCA KUASA MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
13	PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN & RAKAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS	14	NILAI-NILAI BERSAMA MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
15	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	16	PETA STRATEGIK MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
17	TERAS STRATEGIK 1 TADBIR URUS	24	TERAS STRATEGIK 2 PERSEKITARAN
28	TERAS STRATEGIK 3 SOSIAL	32	TERAS STRATEGIK 4 SMART CITY
37	TERAS STRATEGIK 5 BANDAR MAMPAN	42	PENUTUP





PERUTUSAN

YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) 2026–2030 berjaya dirangka sebagai panduan hala tuju pembangunan dan penyampaian perkhidmatan MDCH bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pelan Strategik ini merupakan dokumen penting yang menggariskan visi, misi, objektif strategik serta inisiatif utama MDCH dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memperkasakan pembangunan mampan serta memelihara keindahan dan kelestarian alam sekitar Cameron Highlands sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi yang unggul.

Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI dan komitmen terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), MDCH akan terus menekankan pembangunan yang seimbang antara kemajuan ekonomi, kesejahteraan sosial dan pemeliharaan alam sekitar. Pendekatan strategik yang dirangka memberi penekanan kepada transformasi digital, pengukuhan penguatkuasaan, peningkatan hasil MDCH, penglibatan komuniti serta kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, swasta dan pihak berkepentingan.

Saya yakin kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands 2026–2030 ini bergantung kepada komitmen dan kerjasama seluruh warga kerja MDCH serta sokongan padu daripada masyarakat dan rakan strategik. Dengan semangat kerja berpasukan, integriti dan profesionalisme, kita mampu merealisasikan perancangan yang telah digariskan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan daerah Cameron Highlands.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands 2026–2030 ini. Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan memberi impak positif dan berpanjangan kepada pembangunan daerah yang kita cintai ini.

Sekian, terima kasih.

Pelan Strategik ini merupakan dokumen penting yang menggariskan visi, misi, objektif strategik serta inisiatif utama MDCH dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memperkasakan pembangunan mampan serta memelihara keindahan dan kelestarian alam sekitar Cameron Highlands sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi yang unggul.

**YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH
CAMERON HIGHLANDS
RUDYFASLA BIN HAJI MUJID, AAP., AMP.**





LATAR BELAKANG


MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Majlis Daerah Cameron Highlands telah ditubuhkan melalui Warta Kerajaan Negeri Pahang No 66 pada 01 Mac 1982 dan keluasan kawasan ketika itu adalah 55.09 km persegi (5509 hektar) dan dibahagikan kepada 2 kategori :-

- a. Kawasan yang dikenakan cukai - 23.28 km.p (2328 hektar)
- b. Kawasan yang tidak dikenakan cukai - 31.81 km.p (3181 hektar)

Keluasan keseluruhan daerah Cameron Highlands pada masa kini (termasuk Hutan Simpan Kekal) ialah 71, 225 hektar manakala keluasan Pentadbiran MDCH (termasuk kawasan operasi dan kawasan kawalan Hutan Simpan Kekal) ialah 33,325 hektar. Cameron Highlands terdiri daripada 3 mukim :-

- a. Mukim Tanah Rata - Tanah Rata - Brinchang
- b. Mukim Ringlet - Lembah Bertam - Habu
- c. Mukim Ulu Telom - Kea Farm - Blue Valley





SENARAI NAMA

KETUA JABATAN / BAHAGIAN / UNIT

BIL.	NAMA	KETUA JABATAN / BAHAGIAN / UNIT
1.	Encik Ahmad Ridzuan bin Abd. Mubin	JABATAN PERANCANGAN
2	Encik Elmi Ruzaidi bin Redzuan	JABATAN KEJURUTERAAN DAN KEMUDAHAN AWAM
3	Encik Mohd Khairil Anuar bin Asmawi	JABATAN LANDSKAP
4	Puan Siti Zaleha binti Ab. Ghani	JABATAN PERBENDAHARAAN
5	Encik Muhammad Safwan Izzat bin Rosli	JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
6	Cik Ramizah binti Ishak	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
7	Sr. Norazatul Afidah binti Abdul Razak	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
8	Cik Romizah binti Mohammad Rosli	BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN DAN WARISAN
9	Puan Mas Juaini binti Mat Junit	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
10	Puan Nor Syuaadah binti Alias	UNIT UNDANG-UNDANG
11	Sr. Mohd Rizal bin Hashim	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
12	Cik Nur Hayana Zahira binti Haniff	UNIT AUDIT DALAM
13	Encik Zulqarnain bin Mohd Yusof	UNIT PENGUATKUASA
14	Puan Amira Nadirah binti Mohamad Amran	UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
15	Puan Amira Nadirah binti Mohamad Amran (Menanggung kerja)	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
16	Puan Norliza binti Ali	UNIT TEMPAT LETAK KERETA



VISI , MISI & MOTO

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

VISI

Menjadikan Cameron Highlands sebagai sebuah bandar mampan menjelang 2030

MISI

Menyediakan perkhidmatan yang berintegriti berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) serta Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)

MOTO


“Kepuasan Pelanggan,
Kebanggaan Kami”



CARTA ORGANISASI

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS





PENGURUSAN ATASAN

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS



**RUDYFASLA BIN HAJI MUJID,
AAP.,AMP.**

Yang Dipertua
Majlis Daerah Cameron Highlands



**MAZLAN BIN MOHAMED ISA, AAP.,
AMP.**

Setiausaha
Majlis Daerah Cameron Highlands



FUNGSI

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

MDCH melaksanakan fungsi-fungsi menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan melaluinya MDCH boleh melaksanakan aktiviti dan menguatkuasakan dasar serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal Pihak Berkuasa Tempatan. Antara fungsi MDCH ialah :-

1.	Mengutip cukai taksiran, lesen perniagaan dan pengiklanan.
2.	Merancang, melaksana serta mengawal selia pembangunan selaras dengan rancangan struktur Negeri Pahang, Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands dan dasar-dasar kerajaan yang lain.
3.	Menyelaras dan memberi kerjasama kepada jabatan-jabatan lain serta pihak swasta untuk pembangunan pelbagai program seperti kemasyarakatan dan alam sekitar.
4.	Mengawal selia aktiviti pelupusan sisa pepejal oleh SWCorp.
5.	Mengawal selia dan menguatkuasakan premis jualan makanan dan kawalan penyakit berjangkit bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah Cameron Highlands.
6.	Memantau dan menyelaras kesejahteraan bandar.
7.	Mempertimbangkan keindahan kawasan MDCH di samping pemeliharaan dan pemuliharaan landskap semulajadi.
8.	Mewujudkan kemudahan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan asas bagi keselesaan penduduk setempat dan pelancong.
9.	Menggubal undang-undang kecil dan menguatkuasa undang-undang, peraturan dan dasar yang berkaitan.



PERANAN DAN PUNCA KUASA

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Akta	Undang-undang Kecil	Kaedah-kaedah MDCH	Peraturan-peraturan MDCH	Perintah-perintah MDCH	Enakmen
<ul style="list-style-type: none"> • Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 • Akta Pengangkutan Jalan 1987 • Akta Makanan 1983 • Akta Acara Kewangan 1956 • Akta Pengurusan Strata 2013 • Arahan Perbendaharaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan dan Permit (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1983 • Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Kerajaan Tempatan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1983 • Undang-Undang Kecil (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) Kerajaan Tempatan (Majlis Daerah Cameron Highlands) (Pindaan) 2020 • Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1983 • Undang-Undang Kecil (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 2020 • Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1984 • Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Cameron Highlands) (Pindaan) 2011 • Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Cameron Highlands) (Pindaan) 2023 • Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1986 • Undang-Undang Kecil Kawalan dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1986 • Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1984 	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah-Kaedah Hiburan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1996 • Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Daerah Cameron Highlands (Kelakuan & Tatatertib) 2002 	<ul style="list-style-type: none"> • Peraturan-Peraturan Hotel (Pahang) 2021 • Peraturan-Peraturan Hotel (Pahang) (Pindaan) 2022 • Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggara an Dan Pengurusan) 2015 	<ul style="list-style-type: none"> • Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Cameron Highlands) 2016 • Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Cameron Highlands) (Pindaan) 2020 	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Hiburan 1993 dan pindaan 2006 • Enakmen Hotel (Pahang) 2020



PERANAN DAN PUNCA KUASA

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Akta	Undang-undang Kecil	Kaedah-kaedah MDCH	Peraturan-peraturan MDCH	Perintah-perintah MDCH	Enakmen
	<ul style="list-style-type: none"> • Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pemandan Rambut (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1987 • Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1988 • Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1989 • Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1990 • Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Daerah Cameron Highlands (Pindaan) 2011 • Undang-Undang Kecil Stor Kayu dan Kerja Kayu (Majlis Daerah Cameron Highlands) 1999 • Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Cameron Highlands) 2007 • Undang-Undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 • Undang-Undang Kecil Bangunan (Pahang) (Pindaan) 2007 • Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Cameron Highlands) 2008 • Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 • Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Cameron Highlands) 2010 • Undang-Undang Kecil Pencegahan Kacau Ganggu (Majlis Daerah Cameron Highlands) 2024 				



PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN & RAKAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Negeri Pahang

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Jabatan dan agensi kerajaan

Agensi swasta

Ahli-ahli Majlis

Kakitangan MDCH

Pembekal / Kontraktor

Pelabur / Pemaju

Orang awam

Perundangan dan kehakiman

Badan Bukan Kerajaan (NGO)

PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN & RAKAN STRATEGIK



NILAI-NILAI BERSAMA

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

- S** **SISTEMATIK**
Sistem kerja yang lebih teratur dan cekap
- E** **EFEKTIF**
Mempertingkatkan kecekapan organisasi ke tahap optimum
- J** **JUJUR**
Menjalankan tugas dengan penuh kejujuran, dedikasi dan rasa bertanggungjawab selaras dengan Aku Janji yang telah diikrarkan
- A** **AMANAH**
Menanamkan sifat amanah dan berintegriti pada setiap warga MDCH dalam menjalankan tugas
- H** **HARMONI**
Saling memerlukan hubungan yang harmoni antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling terpelihara
- T** **TELUS**
Sentiasa berkongsi maklumat dengan masyarakat
- E** **ERAT**
Bekerjasama dan semangat kerja yang erat di antara warga MDCH dan penduduk setempat
- R** **RASIONAL**
Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar serta sentiasa berfikiran terbuka
- A** **ADIL**
Berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan faktor-faktor yang lengkap dan tepat. Penilaian terhadap sesuatu tindakan atau keputusan dibuat secara objektif dan analisa dengan menggunakan kaedah yang betul serta memuaskan semua pihak terlibat



MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)






PETA STRATEGIK

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

5 TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK 1
TADBIR URUS



TERAS STRATEGIK 2
PERSEKITARAN



TERAS STRATEGIK 3
SOSIAL



TERAS STRATEGIK 4
SMART CITY



TERAS STRATEGIK 5
BANDAR MAMPAN



63 STRATEGI

20

STRATEGI

8

STRATEGI

10

STRATEGI

10

STRATEGI

15

STRATEGI

139 PROGRAM

53

PROGRAM

14

PROGRAM

17

PROGRAM

25

PROGRAM

30

PROGRAM



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 1 Memantapkan struktur tadbir urus dalam organisasi	SDGs 1, SDGs 5, SDGs 8, SDGs 17	Semakan semula struktur dan fungsi jabatan / bahagian / unit dalam MDCH	1 kali dalam tempoh 5 tahun	Carta organisasi, fungsi dan senarai tugas setiap jabatan / bahagian / unit lebih diperjelas bidang kuasa dan kecekapan organisasi meningkat	Jabatan Khidmat Pengurusan		✓			
		Mengekalkan penglibatan wanita di peringkat pengurusan	Sekurang - kurangnya 30 %	Perwakilan wanita dalam pengurusan meningkat dan kekal stabil	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melakukan pemantauan berkala terhadap kehadiran pegawai dan kakitangan	1 kali dalam tempoh 2 bulan dalam Mesyuarat Pengurusan MDCH	Tindakan susulan diambil terhadap pegawai / kakitangan yang mempunyai kehadiran lewat	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Menyelesaikan isu dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)	70% isu diselesaikan dalam tahun semasa	Isu dan tindakan penyelesaian direkodkan dalam minit mesyuarat	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Mengadakan Hari Semakan Buku Perkhidmatan	1 kali dalam tempoh 1 tahun	<ul style="list-style-type: none"> Rekod buku perkhidmatan pegawai dan kakitangan dikemaskini dengan maklumat terkini Laporan status semakan buku perkhidmatan disediakan untuk rujukan Bahagian Sumber Manusia 	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 2 Meningkatkan profesionalisme pegawai dan kakitangan	SDGs 3, SDGs 4, SDGs 5, SDGs 17	Melaksanakan kursus pemantapan kerjaya dan kompetensi pegawai dan kakitangan	1 kali dalam tempoh 1 tahun	Laporan penilaian keberkesanan selepas menghadiri kursus dilakukan selepas 3 bulan	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melakukan kajian kepuasan pegawai dan kakitangan MDCH	1 kali dalam tempoh 1 tahun	Pengurusan atasan lebih peka terhadap keperluan, masalah dan pandangan pegawai dan kakitangan melalui pembentangan dalam mesyuarat	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melaksanakan kehadiran kursus / bengkel yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan mengikut ketetapan SUK Negeri Pahang	7 hari kursus dalam tempoh 1 tahun	Laporan penilaian keberkesanan selepas menghadiri kursus dilakukan selepas 3 bulan	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melaksanakan pengiktirafan prestasi bagi pegawai dan kakitangan <ul style="list-style-type: none"> Anugerah Pekerja Cemerlang dan Anugerah Yang Dipertua Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> 1 kali dalam tempoh 1 tahun 12 calon setiap tahun 	Meningkatkan motivasi dan semangat kerja dalam kalangan pegawai dan kakitangan	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 3 Memperkukuhkan integriti dan etika kerja	SDGs 16, SDGs 17	Semakan Pelan Antirasuah Organisasi MDCH 2023 -2027	1 kali dalam tempoh 5 tahun	Dokumentasi Pelan Antirasuah Organisasi MDCH menjadi rujukan untuk audit dalaman dan luaran	Jabatan Khidmat Pengurusan		✓			
		Melaksanakan program integriti dan etika kerja secara berkala	3 program dalam tempoh 1 tahun	Zero aduan integriti	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melakukan pemeriksaan mengejut bersama Pengurusan Atasan	2 kali dalam tempoh 1 tahun	Senarai tindakan susulan diambil terhadap kakitangan yang didapati tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melaksanakan saringan ujian air kencing (dadah) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	Lebih 50% kakitangan menjalani saringan ujian air kencing pada tahun semasa	Zero aduan salah laku dadah	Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 4 Pengurusan hasil yang cekap dan efektif	SDGs 8, SDGs 17	Menjalankan Audit Lapangan bagi punca hasil baru (Cukai taksiran, lesen, permit, sewaan tapak dll)	1 kali dalam tempoh 2 tahun	Peningkatan ketepatan rekod dan pengurangan ketirisan hasil	Unit Audit Dalam		✓		✓	
		Semakan semula kadar / fi tertentu secara berkala	1 kali dalam tempoh 2 tahun	Peningkatan ketepatan rekod dan pengurangan ketirisan hasil	Jabatan Khidmat Pengurusan / Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran / Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta / Unit Perhubungan Awam dan Pembangunan Masyarakat		✓		✓	
		Menyediakan dashboard khas prestasi kutipan hasil untuk pantauan pengurusan tertinggi	Penyediaan pada tahun 2026	Peningkatan ketepatan rekod dan pengurangan ketirisan hasil	Unit Audit Dalam	✓				
		Sewa tapak iklan digital, parkir automatik dan ruang komersial awam	2 kali dalam tempoh 1 tahun	Penjanaan hasil baharu yang mampan	Unit Perhubungan Awam dan Pembangunan Masyarakat / Unit Tempat Letak Kereta / Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran	✓	✓	✓	✓	✓



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 5 Kawalan perbelanjaan yang berkesan	SDGs 8, SDGs 17	Membelanjakan dana mengikut keutamaan dan berimpak tinggi	2 projek dalam tempoh 1 tahun	Penggunaan dana lebih efisien dan telus	Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam / Jabatan Perbendaharaan	✓	✓	✓	✓	✓
		Menguatkuasakan penggunaan Borang Permohonan Kerja Lebih Masa dan Borang Permohonan Perolehan	100 %	Penggunaan dana lebih efisien dan telus	Semua jabatan / bahagian / unit	✓	✓	✓	✓	✓
		Laporan prestasi kewangan secara bulanan dan suku tahun kepada Pengurusan Tertinggi untuk perbelanjaan berkesan	1 kali dalam tempoh 1 bulan	Peningkatan ketepatan dan ketelusan rekod	Jabatan Perbendaharaan	✓	✓	✓	✓	✓
		Semakan dan pantauan baki bajet secara digital di dalam sistem CHICS17	Masa nyata (Real time)	Peningkatan ketepatan dan ketelusan rekod	Jabatan Perbendaharaan	✓	✓	✓	✓	✓
		Audit perbelanjaan dalaman berkala	1 kali dalam tempoh 2 tahun	Peningkatan ketepatan dan ketelusan rekod	Unit Audit Dalam		✓		✓	
		Melaksanakan penilaian pembekal berdasarkan prestasi dan rekod kepatuhan melalui Google Form / mesyuarat berkaitan	1 kali dalam tempoh 6 bulan	Peningkatan ketepatan dan ketelusan rekod	Jabatan Perbendaharaan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melaksanakan kerja undi bagi sebutbarga berdasarkan prestasi kontraktor	2 kali dalam tempoh 1 tahun	Peningkatan ketelusan proses perolehan	Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam / Jabatan Perbendaharaan	✓	✓	✓	✓	✓
		Melaksanakan dua (2) program Green Technology / Energy Deficiency	5% daripada penggunaan kertas	Penjimatan kos	Semua jabatan / bahagian / unit	✓	✓	✓	✓	✓
		Memastikan projek baru dilengkapi sistem solar	1 projek dalam tempoh 5 tahun	Penjimatan kos	Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam		✓			
		Mengkaji semula keberkesanan perkhidmatan luar yang kurang efisien melalui Google Form / mesyuarat berkaitan	2 kali dalam tempoh 1 tahun	Peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan	Jabatan Perbendaharaan / Jabatan Khidmat Pengurusan	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 6 Melaksanakan pemantauan kemajuan dengan lebih berkesan	SDGs 16, SDGs 17	Pemantauan kemajuan tanpa Kebenaran Merancang 3 bulan sekali atau mengikut ketetapan operasi Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP)	Sekurang-kurangnya 12 laporan ringkas pembuktian pemantauan pada setiap tahun dan sebagai asas pelaporan kemajuan tatakelola Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Data, analisis dan rumusan pengurangan kes kemajuan tanpa Kebenaran Merancang dari tahun ke tahun	Jabatan Perancangan	✓	✓	✓	✓	✓
		Pemantauan kemajuan dengan Kebenaran Merancang 2 minggu sekali atau mengikut ketetapan operasi Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP)	Sekurang-kurangnya 24 laporan ringkas pembuktian pemantauan pada setiap tahun dan sebagai asas pelaporan kemajuan tatakelola Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Data, analisis dan rumusan pengurangan kes kemajuan yang melanggar syarat Kebenaran Merancang dari tahun ke tahun	Jabatan Perancangan	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 7 Merancang dan melaksana pengurusan landskap yang berkualiti dan mampan	SDGs 3, SDGs 9, SDGs 11, SDGs 13, SDGs 15	Menaiktaraf taman awam / taman poket daerah Cameron highlands	3 taman awam / taman poket dalam tempoh 5 tahun	Kecantikan bandar dan taman	Jabatan Landskap			✓	✓	✓
		Menaiktaraf alatan permainan di taman awam	3 taman permainan dalam tempoh 5 tahun	Keselamatan dan penggunaan alatan permainan yang baik	Jabatan Landskap			✓	✓	✓



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 8 Mewujudkan sistem inventori pokok kekal dalam kawasan pentadbiran MDCH	SDGs 3, SDGs 11, SDGs 13, SDGs 15	Membina sistem inventori pokok kekal dibawah seliaan Jabatan Landskap MDCH	Satu (1) sistem inventori diwujudkan dalam tempoh 5 tahun	Integrasi sistem yang dipermudahkan	Jabatan Landskap / Unit Teknologi Maklumat		✓			
Strategi 9 Memantapkan sistem pemantauan dan perkhidmatan perbandaran	SDGs 11	Mewujudkan satu aplikasi pemantauan di lapangan	100%	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kecekapan kerja lapangan melalui rekod maklumat terus di lapangan secara masa nyata Ketepatan dan ketelusan laporan melalui data yang sah 	Semua jabatan / bahagian / unit					✓
Strategi 10 Pencarian hasil baharu PBT berteraskan SDGs	SDGs 8	Menyediakan tapak perniagaan melalui perkhidmatan tapak/ kiosk digital	100 %	Memberi ruang dan memudahkan kepada peniaga kecil bagi mempromosikan jualan	Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran					✓
Strategi 11 Memantapkan pengurusan aset tak alih	SDGs 9, SDGs 11, SDGs 16	Mewujudkan inventori aset tak alih MDCH secara digital	1 sistem dalam tempoh 5 tahun	100% data aset tak alih direkodkan dalam digital	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta / Unit Teknologi Maklumat					✓
		Memastikan penggunaan premis secara optimum	Semua premis disewakan	Zero premis tidak disewakan	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	✓	✓	✓	✓	✓
		Melaksanakan pengurusan penyelenggaraan aset tak alih	1 kali dalam tempoh 1 tahun	Zero aduan kerosakan aset tak alih	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta / Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam	✓	✓	✓	✓	✓
		Menjalinkan kerjasama pengurusan aset bersama pihak swasta / NGO	1 projek dalam tempoh 2 tahun	Penjimatan kos pengurusan dan penyelenggaraan sebanyak 10%	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	✓		✓		
		Pembangunan tanah milik MDCH secara penswastaaan / usahasama	1 projek dalam tempoh 5 tahun	100% tanah milik dibangunkan	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta					✓
Strategi 12 Mengekalkan proses permohonan cadangan pembangunan yang mematuhi prosedur yang ditetapkan di dalam Manual OSC 3.0	SDGs 11, SDGs 16	Menolak permohonan yang tidak tunai syarat mengikut tempoh masa yang ditetapkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus	95% dari jumlah permohonan mematuhi tempoh masa yang ditetapkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus	Mematuhi Prosedur Manual OSC 3.0 Plus	Unit Pusat Setempat	✓	✓	✓	✓	✓



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 13 Meningkatkan kompetensi permohonan daripada <i>Principle of Submitting Person (PSP)</i>	SDGs 11, SDGs 16	Menyediakan manual atau SOP penggunaan sistem bagi meminimumkan kesilapan maklumat	1 manual / SOP dalam tempoh 5 tahun	Mengurangkan masa memproses jabatan teknikal	Unit Pusat Setempat / Jabatan Perancangan / Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam / Bahagian Kawalan Bangunan dan Warisan / Jabatan Landskap		✓			
		Menganjurkan sesi Townhall atau <i>Focus Group Discussion</i> bersama <i>Principle of Submitting Person</i>	1 sesi Townhall / <i>Focus Group Discussion</i> dalam tempoh 5 tahun	Permohonan dari <i>Principle of Submitting</i> lebih berkualiti dan mematuhi keperluan Manual OSC 3.0 Plus	Unit Pusat Setempat				✓	
Strategi 14 Memantapkan tadbir urus undang-undang yang telus, berintegriti dan berasaskan pematuhan	SDGs 17	Mewujudkan elemen kelestarian dalam semakan kontrak dan perjanjian jabatan.	Penambahbaikan 1 senarai semak baharu berkaitan kelestarian menjelang 2027	100%	Unit Undang - undang		✓			
Strategi 15 Memantapkan sistem audit dalaman yang berkesan dan telus	SDGs 17	Pelaksanaan Audit Dalaman SPB-PBT	Audit dilaksanakan mengikut Jadual Audit Tahunan	Laporan audit lengkap dan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi	Unit Audit Dalam	✓	✓	✓	✓	✓
		Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT)	Pra-audit bagi pengumpulan maklumat dilaksanakan 1 kali dalam tempoh 1 tahun	Penarafan 5 bintang	Unit Audit Dalam	✓	✓	✓	✓	✓
		Penyelarasan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalaman	4 kali Mesyuarat Jawatankuasa dalam tempoh 1 tahun	Laporan Audit Jabatan/Bahagian/Unit dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi	Unit Audit Dalam	✓	✓	✓	✓	✓
		Audit pemeriksaan mengejut	Dilaksanakan 2 kali dalam tempoh 1 tahun	Prosedur audit lebih kemas , teratur dan standard	Unit Audit Dalam	✓	✓	✓	✓	✓
		Bengkel Latihan Juruaudit Dalaman	Minimum 1 bengkel diadakan dalam tempoh 1 tahun	Kompetensi juruaudit meningkat	Unit Audit Dalam	✓	✓	✓	✓	✓



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 16 Memastikan semua Prosedur Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) dipatuhi	SDGs 8, SDGs 16	Pelaksanaan audit oleh pihak luar pada setiap tahun	Pelaksanaan audit 1 kali dalam tempoh 1 tahun	Zero NCR	Unit Perhubungan Awam dan Pembangunan Masyarakat	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 17 Meningkatkan peratusan pencapaian kepuasan pelanggan	SDGs 16	Booth / Kaunter bergerak Hari Bersama Pelanggan (HBP) di program anjuran agensi kerajaan/ agensi swasta / NGO / komuniti	Peratusan kepuasan pelanggan mencapai sekurang-kurangnya 85% setiap bulan	Zero rating tidak memuaskan	Unit Perhubungan Awam dan Pembangunan Masyarakat	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 18 Meningkatkan peratusan pencapaian kepuasan pelanggan bagi penyelesaian aduan di Sistem Pengurusan Aduan (SISPAA)	SDGs 16	Booth / Kaunter bergerak aduan di program anjuran agensi kerajaan/ agensi swasta / NGO / komuniti	Peratusan kepuasan pelanggan mencapai sekurang-kurangnya 85% setiap bulan	Zero rating tidak memuaskan	Unit Perhubungan Awam dan Pembangunan Masyarakat	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 19 Memantapkan tadbir urus digital dan transformasi perkhidmatan	SDGs 4, SDGs 9	Melaksanakan Kursus Kemahiran ICT	Sekurang-kurangnya 1 kursus dalam tempoh 1 tahun	100 % kakitangan celik IT	Unit Teknologi Maklumat	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 20 Membangunkan sistem digital bersepadu bagi merekod, menyimpan dan mengakses sejarah pemeriksaan premis untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan serta mengurangkan tunggakan kompaun	SDGs 9, SDGs 11, SDGs 16	Pembangunan dan pelaksanaan Sistem Rekod Sejarah Pemeriksaan Premis	<ul style="list-style-type: none"> Sistem dibangunkan dan beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2028 100% rekod pemeriksaan (lesen & bukan atas nama pelesen) dimasukkan ke dalam sistem Pengurangan tunggakan kompaun sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2028 Integrasi data dengan sistem lesen sedia ada menjelang tahun 2029 Akses masa nyata untuk semua anggota penguat kuasa semasa pemeriksaan 	<ul style="list-style-type: none"> Membolehkan pegawai menyemak sejarah kompaun mengikut premis, bukan hanya nama pelesen Mengurangkan risiko kompaun tertinggal atau tidak dikesan Mempercepatkan proses pembaharuan lesen dengan data lengkap Mengurangkan tunggakan kompaun melalui pengesanan automatik Meningkatkan ketelusan & akauntabiliti dalam penguatkuasaan Rekod lebih tersusun, audit lebih mudah, operasi lebih efisien 	Unit Penguatkuasa / Unit Teknologi Maklumat / Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran			✓	✓	✓



TERAS STRATEGIK 2

PERSEKITARAN



TERAS STRATEGIK 2

PERSEKITARAN

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 1 Mempertingkatkan keselamatan cerun di bandar	SDGs 3, SDGs 13	Menyelenggara cerun yang berisiko runtuh di kawasan perumahan dan perbandaran	Menyelenggara sekurang-kurangnya 5 cerun berbahaya dalam tempoh 5 tahun	Mengurangkan kadar risiko bencana	Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam	✓	✓	✓	✓	✓
		Memantau secara berkala cerun yang berdaftar	Memantau sekurang-kurangnya 20 cerun dalam tempoh 1 tahun	Mengurangkan kadar risiko bencana	Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 2 Memastikan Rancangan Tempatan dan garis panduan perancangan dipatuhi sepenuhnya oleh pemaju	SDGs 6, SDGs 7, SDGs 8, SDGs 9, SDGs 10, SDGs 11	Permohonan Kebenaran Merancang yang mematuhi syarat dan keperluan teknikal serta Permohonan Kebenaran Merancang bagi sesuatu cadangan pemajuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan perlu melalui jawatankuasa-jawatankuasa tertentu di peringkat Negeri dan / atau Persekutuan	Sekurang-kurangnya bukti bilangan perakuan salah satu atau mana-mana gabungan jawatankuasa tersebut dan bilangan kelulusan Kebenaran Merancang setiap tahun	Data, analisis dan rumusan berdasarkan perakuan jawatankuasa terlibat dan kelulusan Kebenaran Merancang yang menunjukkan peningkatan pematuhan syarat dan keperluan teknikal yang menjamin keperluan pembangunan yang terancang serta seimbang dengan alam sekitar <i>*Nota : Jawatankuasa merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Rancangan Fizikal Negara, Jawatankuasa Perancang Negeri, Jawatankuasa Teknikal Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri, Jawatankuasa Penilaian Kesan Alam Sekitar, Jawatankuasa Penilaian Impak Sosial dan/atau sebagainya</i>	Jabatan Perancangan	✓	✓	✓	✓	✓



TERAS STRATEGIK 2

PERSEKITARAN

STRATEGI	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	OUTPUT / IMPAK	JABATAN / BAHAGIAN / UNIT	TAHUN PELAKSANAAN				
						2026	2027	2028	2029	2030
Strategi 3 Mewujudkan sistem kompos daripada sisa bahan semulajadi	SDGs 3, SDGs 7, SDGs 9, SDGs 11, SDGs 13, SDGs 15	Membina pusat pembuatan baja kompos di tapak samaian MDCH	Penghasilan baja kompos 10 kilogram dalam tempoh 1 tahun	Penggunaan sumber alam semulajadi yang berkekalan	Jabatan Landskap / Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran	✓	✓	✓	✓	✓
Strategi 4 Memastikan persekitaran PBT bersih dan bebas pencemaran	SDGs 3, SDGs 6	Melaksanakan larangan penggunaan beg plastik, bekas polisterin, straw sekali guna di pasaraya dan perniagaan francais	100%	Mengurangkan janaan sisa ke tapak pelupusan	Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran / Unit Penguatkuasa			✓ 50%		✓ 100%
		Memastikan semua premis makanan milik MDCH dan pusat cuci kenderaan menggunakan perangkap minyak	100%	Mengelakkan sisa minyak dialirkan terus ke sungai	Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran / Unit Penguatkuasa / Bahagian Kawalan Bangunan dan Warisan			✓ 50%		✓ 100%
